

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tokek diancam bahaya kepupusan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 19 Nov 2011 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 29,826 |
| Page No | L-9 | Readership | 97,836 |
| Language | Malay | ArticleSize | 209 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,077 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,230 |



Tokek diancam bahaya kepupusan

AKTIVIS hidupan liar menggesa cicak berbintang jingga Tokek dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa berikutan peningkatan dalam kegiatan penyeludupan cicak itu, terutamanya untuk tujuan perubatan di China.

Rangkaian pemantauan perdagangan hidupan liar antarabangsa Traffic berkata dalam satu kenyataan bahawa perdagangan, sama ada sah atau tidak, cicak itu yang dikenali melalui kulitnya yang berwarna biru-kelabu dan bunyi yang kuat, meningkat di serata Asia Tenggara.

Traffic mendesak haiwan nokturnal itu dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Spesis Terancam Fauna dan Flora Liar Antarabangsa (Cites) kerana ianya adalah "kena pada masanya" untuk cicak itu.

Permintaan untuk Tokek melonjak beberapa tahun kebelakangan ini selepas blog dalam talian, artikel akhbar dan pedagang hidupan liar mendakwa bahawa penggunaan lidah dan organ dalaman cicak itu dapat mengubat HIV, Traffic Asia Tenggara berkata dalam satu laporan. Traffic berkata dakwaan sedemikian adalah tidak berasas dan "satu penipuan."

Kerajaan Filipina pada Julai lepas turut memberi amaran penggunaan



cicak itu untuk merawat AIDS dan impoten boleh membahayakan pesakit.

"Traffic kuarir dengan peningkatan perdagangan cicak itu," kata Chris R. Shepherd, timbalan pengarah Traffic rantau ini.

"Jika perdagangan cicak itu terus berkembang, ia akan mengambil bertahun lamanya untuk memperbaiki penjejasan terhadap populasi cicak itu," tambahnya. Haiwan itu ditangkap di serata Asia Tenggara, terutama Filipina dan Indonesia, menurut laporan baru yang diterbitkan oleh Traffic.

Tokek biasanya dibunuh dan dikeringkan, kemudian dihantar ke China untuk digunakan dalam perubatan tradisional yang dikatakan berupaya merawat pelbagai penyakit, termasuk HIV dan kanser. Wain atau wiski Tokek juga dijual sebagai peningkat tenaga.

Traffic berkata ia akan menyiasat perdagangan ini.

Tokek, yang berupaya membesar sehingga 40 sentimeter, juga haiwan peliharaan yang popular.

Malaysia berikrar untuk memerangi penyeludupan hidupan liar, dimana aktivis berkata ianya berleluasa di Asia Tenggara disebabkan oleh permintaan untuk hidangan eksotik, haiwan peliharaan atau perubatan tradisional berasaskan haiwan.

Traffic berkata lebih lapan tan setengah Tokek kering diimport secara sah ke Amerika Syarikat antara 1998 dan 2002 untuk tujuan perubatan tradisional. Bilangan besar didagangkan di Asia dan Traffic berkata Malaysia muncul sebagai hab utama untuk memenuhi permintaan, terutama di China.

Ia berkata 1,000 Tokek dipercayai menuju ke Malaysia dirampas baru-baru ini di Kemboja, sementara sepasang suami isteri ditahan kerana cuba menyeludup Tokek bernilai hampir AS\$1 juta (RM3 juta) dari Thailand ke Malaysia.

Pegawai kastam di pulau Jawa, Indonesia juga baru-baru ini berjaya menumpaskan penyeludupan Tokek kering ke Hong Kong dan China yang menggunakan permit tamat tempoh.

Shepherd berkata perlindungan Tokek masih lemah di bawah perundangan dan mendesak cicak itu dilindungi sebelum ia pupus.



TOKEK menjadi "buruan" utama di kalangan pedagang hidupan liar di Malaysia. - Gambar AFP